



Barangan Makanan Keperluan Asas Di Limbang Cukup – KPDNHEP

APRIL 20, 2020


LIMBANG: Barangan makanan keperluan asas di Limbang adalah mencukupi.

Memetik laporan UKAS, perkara ini telah dimaklumkan Penolong Pegawai Penguatkuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Wendy Dasu yang mengetahui pemeriksaan rutin di semua premis perniagaan di Bandar Limbang pada Ahad.

Hasil pemeriksaan dan pemantauan didapati barangan makanan keperluan asas dan barangan kawalan adalah mencukupi.

Tiada berlakunya 'panic buying' di kalangan masyarakat di Bandar Limbang dan penjualan topeng muka juga mengikut harga Kawalan iaitu RM1.50 sekeping.

Pemeriksaan dan pemantauan ini adalah rutin bagi KPDNHEP Cawangan Limbang dalam memastikan setiap peniaga mematuhi piawaian dan prosedur yang ditetapkan kerajaan.



<https://tvsarawak.com/barangan-makanan-keperluan-asas-di-limbang-cukup-kpdnhep/>